

Kursus asas futsal 2123 Jun

DE. 11.6.2013 11

GL Oh

KOTA KINABALU: Kursus asas 'Strength and Conditioning' Futsal akan diadakan di Kompleks Sukan UMS dari 21-23 Jun.

Kursus dianjurkan oleh Unit Sukan UMS dan Jawatankuasa Bola Sepak Pantai dan Futsal Sabah FA, manakala tenaga pengajar adalah Dr. Ahmad Naim Ismail dari Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Zulkifli

Abdul Kadir dari UiTM serta ketua unit kejurulatihan FAM, Gopalkrishnan.

Mohd Asyraaf Abdullah, pengarah unit sukan UMS berkata, objektif utama kursus itu adalah memberikan pengetahuan asas

bagi periodisasi dan latihan bebanan dalam sukan itu.

Beliau menggesa semua pihak berminat dari sektor Institusi Pengajian Tinggi untuk merebut peluang menghadiri kursus teori dan praktikal itu seawal mungkin kerana terhad kepada 30 orang dan yuran termasuk makanan, baju, sijil dan kit kursus adalah RM80.

Ahli Majlis Tertinggi Jawatankuasa Bola Sepak Pantai dan Futsal Sabah FA Hj Yamani Hafez DSP Musa dijangka merasmikan acara itu.

Maklumat lanjut, hubungi Azman Soaibah (0168207479) atau Rosmadih Wasli (0168260647).